

Graduan IPT tak kekok jadi usahawan cendawan, cili

Mohd Syukor, Abasmadani buktikan pertanian mampu jana pendapatan lumayan

Bukan semua graduan gemar makan gaji. Atas sebab itu dan meskipun masih mentah dalam menempuh cabaran untuk menjadi usahawan tani, ada graduan yang sanggup mengetepikan risiko jatuh tersungkur dalam dunia perniagaan.

Tidak ramai graduan yang sanggup mengetepikan jawatan yang setara dengan kelayakan akademik mereka. Lazimnya, selepas menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam atau swasta (IPTA/S), kebanyakannya mereka lebih gemar cuba mengaplikasikan ilmu ditimba ke dalam bidang kerjaya dipilih, sama ada dalam sektor awam atau swasta.

Bagi graduan yang sememangnya menimba ilmu untuk memulakan perusahan dan perniagaan sendiri, bertugas dengan memakai tali leher dalam bilik berhawa dingin bukanlah pilihan utama. Berbekalkan semangat tinggi dan ilmu dimiliki, mereka berani memulakan perusahan yang kadangkala di luar bidang pengajian.

Bagi graduan yang berani mencuba, ada antara mereka berjaya melakar kejayaan dan tidak kurang juga yang terpaksa meninggalkan perusahan yang tumbang lalu terpaksa mendapatkan pekerjaan yang menjanjikan gaji setiap bulan.

Bagi Mohd Syukor Ahmad, 35, Ijazah Pembangunan Manusia yang diperolehnya dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2002 bukan bermakna beliau harus menghabiskan waktunya hanya dalam bidang pentadbiran. Beliau yang bertugas di jabatan pentadbiran Perbadanan Bioteknologi Melaka mulai tahun 2004 dan menghabiskan waktu dengan bertugas di beberapa syarikat swasta, membulatkan tekad untuk memulakan perusahan menanam cendawan tiram kelabu di Ayer Molek, Melaka pada 2008.

Belajar cara menanam cendawan

"Setiap cuti hujung minggu, saya belajar cara menanam cendawan daripada seorang usahawan tani di Pantai Puteri. Selain itu, saya juga mengikuti kursus singkat penanaman cendawan yang dianjurkan Jabatan Pertanian Melaka.

"Saya bulatkan tekad untuk membina rumah cendawan pada tahun 2008. Saya dapatkan pinjaman RM20,000 daripada Agro Bank melalui Skim MyAgrosis. Saya membina sebuah rumah cendawan berukuran 4.5 x 9 meter persegi dengan kos RM12,000. Saya mencampurkan habuk kayu dengan kapur dan dedak dalam plastik tahan haba sebelum dikukus dalam tong selama antara tujuh hingga lapan jam," katanya.

Bahan campuran yang sudah dipanaskan itu harus disejukkan selama sehari. Hanya selepas itu benih cendawan akan dimasukkan ke dalam campuran berkenaan untuk disimpan dalam bongkah khas yang setiap satunya seberat satu kilogram (kg).

Bongkah itu disusun pada rak khas dalam rumah cendawan selama dua bulan sebelum cendawan yang sudah mengembang dipetik. Usahawan tani berasal dari Tanjung Bendahara, dekat Alor Setar itu harus memastikan suhu dalam rumah cendawan kekal antara 30 hingga 32 darjah Celsius dengan kaedah memasang paip air di setiap rak dan bumbung rumah cendawan.

Setiap satu bongkah campuran habuk kayu, kapur, dedak dan benih mampu menghasilkan 50 gram cendawan. Dengan menyimpan 7,000 bongkah cendawan dalam sebuah rumah cendawan, Mohd Syukor boleh mengutip 350,000 gram cendawan tiram kelabu yang dijual pada harga RM12 satu kilogram.

Berkat kesungguhan buah hasil

Berkat kesungguhannya yang mula mempamerkan kejayaan, Jabatan Pertanian Melaka membantu beliau menambah sebuah lagi rumah cendawan berukuran 4.5 x 9 meter di kawasan bersebelahan rumah cendawan yang pertama, selain sebuah mesin kukus bagi menggantikan kaedah mengukus campuran habuk kayu, dedak dan kapur dengan menggunakan tong.

Bagaimanapun, masalah pemajakan tanah di Ayer Molek menyebabkan Mohd Syukor terpaksa mencari tapak lain di Melaka Pindah, Alor Gajah. Selepas berunding dengan pemilik tanah di Melaka Pindah, beliau mula membina dua rumah cendawan yang setiap satu berukuran 7.6 x 45.7 meter pada tahun 2010.

Meskipun terpaksa membahagikan masa untuk sentiasa berada di kedua-dua tapak perusahan itu, beliau tetap mampu memastikan projek berkenaan berjalan lancar melalui beberapa pekerja yang terdiri daripada penduduk sekitar kawasan itu.

Komitmen sepenuh masa di kedua-dua tapak perusahan itu memaksa beliau untuk meletak jawatan di Perbadanan Bioteknologi Melaka pada tahun 2012. Minat dan semangat jitu dalam jiwanya untuk memperluas perniagaan berasaskan pertanian mendorong beliau menyertai Cabaran Perniagaan Luar Bandar (RBC) anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) pada tahun 2013.

Berasaskan kemampuannya meng-

hasilkan kertas kerja mengenai hala tuju perniagaan dalam tempoh tiga tahun mulai tahun 2013, Mohd Syukor menerima kunjungan pegawai KKLW untuk menilai kemampuannya menghasilkan cendawan sebelum dipilih sebagai penerima Anugerah Jaya RBC 2013. Melalui kejayaannya itu, beliau diberikan geran pembangunan RM750,000 yang membolehkan beliau membeli dua lagi alat pengukus.

Kini, melalui usaha berterusan menghasilkan ramuan penanaman cendawan tiram kelabu dengan menggunakan tiga mesin kukus dan dua rumah cendawan di Melaka Pindah, Mohd Syukor mampu menghasilkan 40kg cendawan tiram kelabu sehari yang dipasarkan sama ada kepada pemborong atau pelanggan yang datang sendiri ke tapak itu.

"Saya bercadang meningkatkan pengeluaran kepada 100kg sehari dengan cara membuka satu lagi tapak di kawasan lain di sekitar daerah Alor Gajah tidak lama lagi. Saya amat bersyukur kerana Allah SWT mengizinkan saya menjadi usahawan tani selepas menempuh pelbagai pahit manis ketika memulakan perusahan ini," katanya.

Dengan menyediakan laman sesawang 'www.sinarsyukrawie.com.my', Mohd Syukor menerima peningkatan permintaan bukan setakat daripada pemborong dan pelanggan konvensional, malah mereka yang berminat untuk mengikuti kursus kaedah menghasilkan cendawan yang dianjurkan beliau dari semasa ke semasa.

Tidak jauh bezanya dengan seorang lagi usahawan tani yang mula melakar kejayaan melalui projek penanaman cili padi di FELDA Palong 4, Gemas. Berbekalkan kelulusan Diploma Sains Komputer dan Matematik Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM) Lendu, Melaka, Abasmadani



Mohd Syukor menyusun bongkah cendawan dalam rumah cendawan di Melaka Pindah, Alor Gajah.



Tapak semaian benih cili padi.



HASSAN OMAR

hassanomar@bh.com.my



Cendawan tiram kelabu.



Abasmadani (tengah) dan dua ahli keluarganya memetik cili padi di kawasan seluas 1.6 hektar di FELDA Palong 4, Gemas.

bung plastik lut sinar, manakala dindingnya disaluti jaring hitam penyerap haba panas.

Dengan menyembur air setiap pagi dan petang, semaian berkenaan sudah bersedia untuk dipindahkan ke dalam beg poly yang diisi dengan tanah dan dicampur dengan habuk sabut kelapa. Beg poly itu disusun di kawasan lapang dengan setiap beg dipasang paip kecil untuk memudahkan siraman air.

Setiap beg poly itu dititiskan air pada kadar 600 mililiter sehari. Habuk sabut kelapa berfungsi sebagai baja untuk anak pokok cili padi membesar dan mengeluarkan hasil dalam tempoh dua bulan.

"Kami mula menuai hasil pertama pada Mac lalu dengan pengeluaran kira-kira satu tan. Setakat ini kami belum menjualnya secara borong kerana permintaan tinggi daripada kedai runcit, pasar dan kenduri kahwin.

"Insya-Allah jika pengeluaran dapat ditingkatkan pada masa depan, kami akan menjualnya secara borong. Kami sudah berbincang dengan FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) untuk menyertai skim Ladang Kontrak FAMA. Bagaimanapun, setakat ini belum ada keputusan mengenainya," katanya.

Graduan mampu tempuh cabaran

Rumusannya, Mohd Syukor dan Abasmadani antara ribuan usahawan tani yang kian melakar kejayaan dalam perjuangan bukan setakat untuk menjadi usahawan tani, malah yang lebih utama ialah membuktikan kepada masyarakat umum bahawa graduan mampu menempuh cabaran dan seterusnya mencipta kejayaan.

Berbanding dengan sikap kebanyakan graduan lain yang lebih gemar bekerja makan gaji, kedua-dua usahawan tani terbabit sudah membuktikan bahawa pelbagai skim bantuan dalam sektor pertanian yang disediakan kerajaan sememangnya boleh dimanfaatkan jika usahawan tani itu sendiri mampu membuktikan mereka benar-benar berminat dan berazam untuk mencipta kejayaan.

Berdasarkan hasil pertanian masing-masing, tidak mungkin Mohd Syukor dan Abasmadani akan beralih ke bidang kerjaya lain, terutama bekerja makan gaji. Bagi mereka, hasil yang diperoleh melalui titik peluh sendiri lebih memberikan kepuasan berbanding jika bekerja dan menunggu gaji setiap hujung bulan.

Komitmen tinggi dan semangat jitu untuk mencipta kejayaan yang ada dalam jiwa mereka seharusnya dicontohi graduan lain yang seharusnya turut berani menempuh cabaran untuk menjadi usahawan tani berjaya.

Tiada jalan mudah mencapai kejayaan kecuali dengan pengorbanan, usaha gigih dan ilmu. Kejayaan Mohd Syukor dan Abasmadani, meskipun belum boleh disimpulkan sebagai mencapai kegemilangan, sudah cukup untuk menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya graduan lebih gemar duduk di kerusi empuk dalam bilik berhawa dingin dan menunggu gaji setiap hujung bulan.

Amin, 22, yang amat berminat dengan pertanian, menimba ilmu mengenai bidang berkenaan melalui Program Inkubasi Usahawan Tani selama enam bulan mulai Januari 2013 di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Tekad buka kebun cili padi

Melalui program itu, beliau menamakan tekad untuk membuka kebun cili padi di kawasan seluas kira-kira 1.6 hektar milik FELDA. Kawasan berkenaan sebelum itu adalah tapak penanaman pisang oleh seorang peneroka, tetapi tidak mampu bertahan lama.

"Saya meyakinkan pihak pengurusan FELDA untuk membenarkan saya memulakan penanaman cili padi yang sememangnya mempunyai pasaran luas di Negeri Sembilan kerana kebanyakan penduduk di negeri ini gemar masak lemak cili padi.

"Dengan membawa seorang penasihat UPM, kami meyakinkan pihak pengurusan FELDA mengenai prospek cerah jika kita menanam cili padi melalui kaedah fertigasi, iaitu gabungan antara baja dengan titisan air. Alhamdulillah, pengurusan FELDA membenarkan saya memulakan projek itu tanpa sewa atau pajakan," katanya.

Abasmadani turut menerima sokongan padu abangnya, Zuraimi, 36, yang bersetuju menyediakan modal permulaan bagi memulakan projek itu tahun lalu. Benih cili padi yang sudah dicampurkan dengan baja dimasukkan ke dalam tapak semaian selama 30 hari dan diletakkan di dalam rumah semaian yang berbum-

MyAgrosis bantu dapatkan pinjaman

Bukan mudah untuk melahirkan usahawan tani dalam kalangan graduan. Selain modal sebagai tunjang masalah, mereka juga menghadapi keangan untuk mendapatkan tanah bagi memulakan perusahaan pertanian atau penternakan. Ilmu yang ditimba di institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) tidak boleh dijelmakan dalam bentuk realiti jika tidak diberi bantuan dan peluang untuk mencuba membina perusahaan atas inisiatif sendiri.

Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi membentuk Kelab Usahawan Siswazah Tani (MyAgrosis) pada 24 Oktober 2011 bagi membantu melahirkan lebih ramai usahawan tani dalam kalangan graduan.

Sebanyak 21 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan 13 institusi latihan pertanian (ILP) terbabit dalam penubuhan kelab berkenaan yang bertujuan melahirkan usahawan tani dalam kalangan graduan yang mempunyai daya saing dalam bidang pengeluaran serta pemasaran produk berasaskan pertanian.

INFO

Kelab MyAgrosis

- ☐ Bertujuan membantu graduan menjadi **usahawan tani**
- ☐ Usia ahli - **18 - 45 tahun**
- ☐ Pinjaman oleh Agrobank - **RM30,000**
- ☐ Pinjaman TEKUN Nasional - **RM50,000**
- ☐ Tempoh berehat daripada bayaran pinjaman - **6 bulan**

Syarat jadi ahli kelab

Antara syarat untuk menjadi ahli kelab berkenaan ialah graduan itu harus berusia 18 hingga 45 tahun pada tarikh permohonan.

Bagi menjayakan matlamat itu, AgroBank menyediakan pinjaman maksimum RM30,000, manakala Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional sebanyak RM50,000.

Setiap ahli disediakan akaun simpanan, kad ATM dan kad perlindungan insurans. Setiap peminjam diberikan tempoh berehat selama enam bulan sebelum membayar balik pinjaman dengan kadar faedah empat peratus. Peminjam juga tidak diwajibkan menyediakan gadaian untuk mendapatkan pinjaman berkenaan.

Antara penerima pinjaman berkenaan ialah Mohd Syukor Ahmad dan Abasmadani Amin, masing-masing mengusahakan penanaman cendawan tiram kelabu dan cili padi.

Bagi Mohd Syukor, kali pertama beliau membuat pinjaman berkenaan adalah sebanyak RM20,000 pada tahun 2008. Pinjaman itu dimanfaatkan untuk membina rumah cendawan di Ayer Molek, Melaka yang seterusnya menjadi titik tolak untuk beliau melakar kejayaan hingga mampu membina dua lagi rumah cendawan di Melaka Pindah, Alor Gajah.

Abasmadani pula membuat pinjaman RM16,000 pada tahun 2012 untuk membeli peralatan kebun cili padinya di FELDA Palong 4, Gemas. Beliau diberikan tempoh pembayaran balik selama tiga tahun dengan kadar bayaran bulanan tidak lebih RM600.

Kedua-dua usahawan tani terbabit berhasrat membuat pinjaman yang lebih besar bagi meningkatkan pengeluaran perusahaan masing-masing sejajar kemajuan yang dicipta sekarang.